

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Pertama**

**Sidang Akademik 2000/2001**

**September/Oktober 2000**

**HST 222 - Kepulauan Asia Tenggara**

**[Masa: 3 jam]**

**KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI TUJUH [7] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.**

Jawab EMPAT [4] soalan. SATU [1] soalan daripada bahagian A, B, C dan SATU [1] pilihan bebas dari mana-mana bahagian.

**Bahagian A:**

1. Bandingkan faktor-faktor yang menyebabkan Portugis dan Belanda datang ke Timor pada kurun ke enam belas.
2. Apakah perbezaannya dari segi pelaksanaan Sistem Tanaman Paksa 1830 dan Dasar Liberal 1870 terhadap golongan petani?

**Bahagian B:**

3. "Saya tolak sama sekali kenyataan bahawa Sepanyol datang pada kurun 16 untuk mentamadunkan bangsa kita. Sebenarnya tamadun kita jauh lebih tinggi daripada tamadun orang Sepanyol." (Renato Constantino). Dengan merujuk kepada kenyataan ini bincangkan tahap pencapaian barangay-barangay kepulauan Filipina sebelum kedatangan Sepanyol.

4. "Yang kami tuntut bukan kemerdekaan tetapi pemulihan." (Jose Rizal). Beri sebab-sebab kenapa Gerakan Propaganda 1872-1892 tidak mahu memisahkan Kepulauan Filipina daripada negara Sepanyol.
5. "Amerika Syarikat terpaksa menjajah Kepulauan Filipina untuk menyelamatkan negara itu daripada kuasa-kuasa barat yang lain khususnya Negara German." (T. Roosevelt). Bahaskan.

**Bahagian C:**

6. Bandingkan dasar penjajahan Sepanyol di Kepulauan Filipina dan Dasar Kompeni Hindia Timur Belanda di Kepulauan Indonesia pada kurun ke 16.
7. "Sebenarnya pendudukan Jepun yang membawa kepada keruntuhan penjajahan Belanda dan bukan kegiatan nasionalisme orang Indonesia." [van Mook]. Huraikan pandangan ini.